

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

SPU316 - Politik Asia Tenggara

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan. Jawab Soalan 1 dari Bahagian A dan DUA (2) soalan lagi dari Bahagian B.

Bahagian A

Jawab Soalan 1. (Wajib)

1. Berikan keterangan ringkas untuk:

- (a) Kelas menengah terpelajar
- (b) Revolusi 1932 di Thailand
- (c) Keunggulan tentera sebagai satu institusi politik moden
- (d) Dwi-fungsi sepertimana dimainkan oleh ABRI
- (e) Revolusi "People Power" 1986 di Filipina

(100 markah)

Bahagian B

Jawab DUA (2) soalan sahaja.

2. Ekoran dari pertumbuhan ekonomi yang mendadak pada tahun-tahun 1980an dan 1990an, kelas atas peniaga dan kelas menengah terpelajar telah muncul di Negara Thai. Bincangkan perubahan ekonomi-sosial ini. Adakah sistem politik Thai masih dicirikan oleh penggantian kuasa antara pihak tentera dan sivil lagi sepertimana diketengahkan oleh sesetengah sarjana?
(100 markah)
3. "Kegawatan ekonomi 1997 hanya merupakan pemangkin utama kepada teretusnya gerakan Reformasi di Indonesia. Namun begitu, perubahan ke arah keterbukaan ekonomi dan politik telahpun berlaku sejak awal tahun-tahun 1990an lagi." Bincangkan.
(100 markah)
4. Jelaskan bagaimana unsur-unsur budaya tradisi mempengaruhi proses politik di Filipina pada tahun-tahun 1950an dan 1960an. Dalam jawapan pastikan anda mengambil-kira peranan pihak oligarki juga.
(100 markah)
5. Untuk mengekal kuasa, sesuatu rejim sering mengguna paksaan dan kawalan. Namun cara-cara ini tidak akan berkesan selama-lamanya. Maka sesuatu rejim akan cuba mencari sokongan daripada orang ramai mahupun pihak-pihak tertentu melalui pembangunan ekonomi mahupun melalui pembentukan satu ideologi untuk mengesahkan diri. Dengan merujuk kepada pemerintahan PAP di Singapura, bincangkan.
(100 markah)